

## LAWATAN KE PERMATA PINTAR



**ISTERI** Perdana Menteri Jepun, Akie Abe meluangkan masa selama dua jam melawat Pusat Permata Pintar, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor, semalam.

Kehadiran beliau disambut isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor yang juga Penaung Permata Negara.

Tujuan lawatan ini diadakan bagi memberi penjelasan berkenaan operasi Pusat Permata Pintar Negara sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 yang bermula 18 November hingga Ahad ini.

Beliau turut dihiburkan dengan persembahan tarian

arnab dan penguin serta tarian tradisional Seri Rampai daripada kanak-kanak dan pelajar Permata Negara.

Yang turut hadir, Penasihat Program Permata, Tan Sri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat, Prof. Dr. Imran Ho Abdullah.

■ **AKIE ABE** (tengah) bersama Rosmah Mansor beramah mesra dengan anak-anak Permata ketika melawat Pusat Permata Pintar Negara di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, semalam. - BERNAMA